



07 OCT, 2023

JKDM sekat 17 cubaan seludup

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

JKDM sekat 17 cubaan seludup

Kuala Lumpur: Sebanyak 17 cubaan menyeludup pelbagai jenis dadah ke Australia termasuk New Zealand menggunakan pelbagai taktik berjaya dipatahkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sejak Januari lalu.

Ketua Pengarah JKDM, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, semua kejayaan itu adalah hasil pembongkaran JKDM terhadap tindakan sindiket cuba menyeludup dadah menggunakan taktik penghantaran eksport.

Beliau berkata, sindiket menyeludup dadah disembunyikan di dalam barangan eksport diikrar sebagai perabot, barangan perkakas rumah, logam dan sebagainya.

"Untung berlipat kali ganda dipercayai menjadi salah satu faktor sindiket penyeludupan dadah gemar membawa masuk bahan terlarang berkenaan ke Australia menerusi negara ini.

"Bagi mengalihkan tumpuan terhadap negara asal dadah ini dihasilkan, sindiket cuba mengelirukan pihak berkuasa dengan menggunakan Malaysia sebagai transit penghantaran," katanya.

Beliau berkata, bagi keseluruhan kes cubaan penyeludupan dadah ke Australia tahun ini, JKDM berjaya merampas dadah seberat 58.98 kilogram (kg) dengan anggaran nilai berjumlah RM2.27 juta.

"Berdasarkan maklumat dan risikan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), dadah yang diseludup masuk ke Malaysia oleh sindiket antarabangsa dipercayai berasal dari beberapa negara pengeluar terkemuka.



Bagi mengalihkan tumpuan terhadap negara asal dadah ini dihasilkan, sindiket cuba mengelirukan pihak berkuasa dengan menggunakan Malaysia sebagai transit penghantaran"

Anis Rizana

"Antaranya ia dipercayai berasal dari negara Segi Tiga Emas. Malaysia dijadikan hub bagi mengaburi mata pihak berkuasa dari memberi tumpuan kepada negara pengeluar," katanya.

Mengulas mengenai faktor sindiket antarabangsa gemar menyeludup dadah ke negara Oceania itu, beliau berkata, konsentrasi penyeludupan dadah bergantung kepada beberapa alasan.

"Antara faktornya adalah permintaan yang tinggi terhadap dadah jenis tertentu.

"Faktor paling utama sudah pasti adalah faktor harga. Penyeludupan dadah ke negara Oceania boleh memberikan keuntungan berlipat kali ganda berbanding pasaran di negara asal," katanya.



07 OCT, 2023

JKDM sekat 17 cubaan seludup

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Seba - nyak 17 cubaan menyeludup pelbagai jenis dadah ke Australia termasuk New Zealand menggunakan pelbagai taktik berjaya dipatahkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sejak Januari lalu. Ketua Pengarah JKDM, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, semua kejayaan itu adalah hasil pembongkaran JKDM terhadap tindakan sindiket cuba menyeludup dadah menggunakan taktik penghantaran eksport. Beliau berkata, sindiket menyeludup dadah disembunyikan di dalam barangan eksport diikrar sebagai perabot, barangan perkakas rumah, logam dan sebagainya.